



KENYATAAN MEDIA MENTERI KANAN PERTAHANAN

7 JUN 2021

MENGENAI PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) DAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN (PKPD)

Sejak pelaksanaan *total lockdown* atau sekatan perjalanan penuh yang bermula sejak Selasa lalu, kes baharu COVID-19 hari ini terus mencatat penurunan. Alhamdulillah dan kita berharap agar trend ini akan berterusan sehinggalah kita akan dapat mengekang sepenuhnya penularan wabak pandemik ini.

Dalam hal ini, operasi pematuhan prosedur operasi standard (SOP) sepanjang PKP ini masih terus ditingkatkan dengan penguatkuasaan dilaksanakan secara holistik membabitkan semua peringkat.

Namun demikian, sejak beberapa hari ini timbul kekeliruan berhubung beberapa perkara termasuklah salah faham penggunaan aplikasi MySejahtera dengan terdapatnya anggota penguatkuasa yang mengeluarkan kompaun kepada mereka yang gagal melakukan kemaskini MySejahtera.

Saya ingin maklumkan **bahawa tidak mengemaskini aplikasi MySejahtera tidak menjadi kesalahan**. Ini adalah berdasarkan kepada Akta 342 Pencegahan Dan Pengawalan Penyakit Berjangkit – COVID Malaysia yang mana ianya tidak terkandung sebagai satu kesalahan untuk dikenakan kompaun oleh mana-mana penguatkuasa.

Sehubungan itu, saya berharap dan menyarankan agar mana-mana kompaun yang telah dikeluarkan atas kesalahan terbabit perlulah dibatalkan. Pegawai penguatkuasa juga disarankan supaya tidak salah dalam membuat sebarang tafsiran berhubung SOP yang telah dikuatkuasakan oleh kerajaan.

Hal ini juga termasuklah dengan kesalahan yang melanggar SOP melibatkan syarikat atau kilang yang beroperasi melebihi masa yang ditetapkan. Jika ia berlaku, maka tindakan penguatkuasaan perlulah dibuat kepada majikan atau syarikat yang memaksa pekerja melakukan tugas lebih dari masa yang ditetapkan.

Kesalahan bukan dilakukan oleh pekerja kerana mereka terpaksa akur kepada arahan majikan maka tindakan kompaun boleh dikeluarkan kepada pihak syarikat, kilang atau majikan yang memberikan arahan.

Begitu juga kepada mana-mana syarikat yang masih menetapkan pekerjaanya bertugas di tempat kerja atau datang ke pejabat biarpun ada arahan untuk melaksanakannya di rumah (*work from home*), maka kompaun adalah kepada majikan juga.

Walaupun tidak menjadi kesalahan di bawah Akta 342 jika tidak mengemaskini MySejahtera, namun sebagai warga yang mahukan COVID-19 terputus, kita juga perlu berintegriti dan mempunyai rasa tanggungjawab terhadap aplikasi MySejahtera. Ini kerana MySejahtera merupakan aplikasi yang dibangunkan oleh Kerajaan untuk membantu dalam pengawasan penularan wabak COVID-19 di dalam negara dengan membolehkan pengguna melaksanakan penilaian kesihatan sendiri.

Justeru, aplikasi ini bukan hanya untuk kita mengimbas sekiranya memasuki sesuatu tempat tetapi yang lebih penting adalah melakukan kemaskini setiap hari, malah setiap masa sekiranya perlu bergantung kepada pergerakan serta aktiviti kita pada hari terbabit.

Sebagai rakyat, kita bukan hanya perlu jujur dalam meberikan maklumat berkaitan diri kita tetapi juga memegang amanah untuk memastikan setiap maklumat yang diberikan adalah tepat dan benar, termasuklah sekiranya mendapat symptom atau mempunyai kaitan dengan mereka yang telah dijangkiti COVID-19.

Aplikasi ini adalah untuk memudahkan kita khususnya dalam keutamaan memastikan keselamatan sosial untuk kepentingan kesihatan agar kes positif, kontak rapat, kontak kasual dan sebagainya akan dapat ditangani dengan segera.

Segala salah faham dan kekeliruan yang timbul sebelum ini dapat ditambah baik dan saya juga mohon pemahaman dari semua pihak agar kita sama-sama berusaha untuk mengekang penularan COVID-19.

Kita perlu akui bahawa penguatkuasaan dilaksana dan kompaun dikeluarkan adalah bagi memastikan setiap individu patuh kepada arahan atau SOP yang telah dikuatkuasakan.

Pemantauan Dan Penguatkuasaan SOP COVID-19 Di Kilang Dan Premis Perniagaan

Sejak 1 Jun 2021, sebanyak 187 operasi pemeriksaan, 43 kompaun serta 29 notis tutup premis telah dikeluarkan oleh Pasukan Petugas Khas COVID-19 MITI hasil daripada pemantauan dan aktiviti penguatkuasaan SOP COVID-19 di premis kilang-kilang di seluruh negara.

Dalam pada itu, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) juga telah mengeluarkan sebanyak 41 kompaun bermula 1 Jun 2021 ke atas premis-premis perniagaan yang gagal mematuhi prosedur operasi standard (SOP) perintah kawalan pergerakan.

Seramai 2,262 penguat kuasa KPDNHEP di seluruh negara telah digerakkan sejak 1 Jun lalu, untuk memastikan pematuhan sepenuhnya SOP di semua premis perniagaan peruncitan, pemborongan, pengedaran dan restoran.

Pihak Kerajaan akan sentiasa meningkatkan aktiviti penguatkuasaan terhadap pematuhan SOP dari semasa ke semasa dan tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan tegas ke atas mana-mana pihak yang melanggar peraturan.

PKPD Lima (5) Lokaliti di Tawau, Sabah

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) hari ini melaporkan peningkatan kes COVID-19 di lima (5) lokaliti di Tawau, Sabah melibatkan:

- Kampung Tanjung Batu Darat
- Taman Apas Permai
- Bandar Sri Indah
- Taman Megah Jaya
- Jalan Budi, Sri Tanjung

Sehingga kini, KKM melaporkan sebanyak 10 kes positif telah direkodkan di Kampung Tanjung Batu Darat, Taman Apas Permai (18 kes), Bandar Sri Indah (36 kes), Taman Megah Jaya (14 kes) dan 10 kes di Jalan Budi, Sri Tanjung.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP, Kerajaan bersetuju untuk melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di lima (5) lokaliti yang dinyatakan berkuatkuasa 9 Jun sehingga 22 Jun 2021.

Pelaksanaan PKPD bagi menyekat pergerakan keluar masuk ke lokaliti-lokaliti ini sekaligus mengelakkan penularan jangkitan COVID-19 dari kawasan berisiko ke komuniti lain.

PKPD Taman Perdana, Lahad Datu, Sabah

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) hari ini juga melaporkan peningkatan kes COVID-19 di Taman Perdana, Lahad Datu, Sabah.

Sehingga kini, KKM melaporkan sebanyak lapan (8) kes positif telah direkodkan hasil dari 66 ujian saringan yang dilakukan dengan kadar positifiti 12.1%.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP, Kerajaan bersetuju untuk melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Taman Perdana, Lahad Datu, Sabah berkuatkuasa 9 Jun sehingga 22 Jun 2021.

Pelaksanaan PKPD ini untuk memudahkan KKM melaksanakan pengesanan awal kes serta memastikan penduduk yang berisiko dijangkiti kekal berada di dalam kawasan PKPD bagi mengelakkan penularan jangkitan keluar dari lokaliti tersebut.

PKPD Kampung Narandang, Kudat, Sabah

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) hari ini juga melaporkan peningkatan kes COVID-19 di Kampung Narandang, Kudat, Sabah.

Sehingga kini, KKM melaporkan sebanyak 16 kes positif telah direkodkan hasil dari 31 ujian saringan yang dilakukan dengan kadar positifiti 51.61%.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP, Kerajaan bersetuju untuk melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Kampung Narandang, Kudat, Sabah berkuatkuasa 9 Jun sehingga 22 Jun 2021.

Pelaksanaan PKPD ini untuk memudahkan KKM melaksanakan pengesanan awal kes serta memastikan penduduk yang berisiko dijangkiti kekal berada di dalam kawasan PKPD bagi mengelakkan penularan jangkitan keluar dari lokaliti tersebut.

PKPD Politeknik Sultan Azlan Shah, Muar, Perak

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) hari ini melaporkan peningkatan kes COVID-19 yang ketara dalam tempoh masa yang singkat di Politeknik Sultan Azlan Shah, Muar, Perak.

KKM melaporkan sebanyak 37 kes positif telah direkodkan dari 173 ujian saringan yang dilakukan dengan kadar positifiti 21.4%.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP, Kerajaan bersetuju untuk melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Politeknik Sultan Azlan Shah, Muar, Perak berkuatkuasa 9 Jun sehingga 22 Jun 2021.

Pelaksanaan PKPD ini untuk menyekat pergerakan keluar masuk ke lokaliti ini serta memudahkan KKM menjalankan pengesanan awal kes supaya dapat diasingkan secepat mungkin.

Penamatan PKPD Tiga (3) Mukim Dalam Daerah Lipis, Pahang

Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Tiga (3) Mukim Dalam Daerah Lipis, Pahang yang dijadualkan tamat pada 8 Jun 2021.

Dalam tempoh itu, KKM telah melakukan 2,191 ujian saringan dan 96 daripadanya disahkan positif COVID-19.

Jabatan Kesihatan Negeri Pahang bersama Pejabat Kesihatan Daerah yang terlibat akan mengenalpasti beberapa lokaliti yang berisiko tinggi (*area of concern*) untuk dibuat penilaian risiko bagi pelaksanaan PKPD mengikut lokaliti tersebut.

Tindakan kawalan dan pencegahan telah dilaksanakan dan surveilans diteruskan dari semasa ke semasa.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju menamatkan PKPD di Tiga (3) Mukim Dalam Daerah Lipis, Pahang pada 8 Jun 2021 (11:59 malam), seperti yang dijadualkan.

Penamatan PKPD Dua (2) Lokaliti di Putatan, Sabah

Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di dua (2) Lokaliti di Putatan, Sabah iaitu Taman Seri Ketiau dan Taman Desa Seri Ketiau yang dijadualkan tamat pada 8 Jun 2021.

Dalam tempoh itu, KKM telah melakukan 1,716 ujian saringan di kedua-dua lokaliti ini dan 24 daripadanya disahkan positif COVID-19.

KKM juga mengesahkan terdapat penurunan kes dan kluster adalah terkawal serta tiada kes baharu yang direkodkan.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju menamatkan PKPD di dua (2) Lokaliti di Putatan, Sabah iaitu Taman Seri Ketiau dan Taman Desa Seri Ketiau pada 8 Jun 2021 (11:59 malam), seperti yang dijadualkan.

Penamatan PKPD Kampung Sungai Imam, Tawau, Sabah

Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Kampung Sungai Imam, Tawau, Sabah yang dijadualkan tamat pada 8 Jun 2021.

Dalam tempoh itu, KKM telah melakukan 808 ujian saringan dan 37 kes positif COVID-19 telah direkodkan dan kes terakhir yang dilaporkan adalah pada 3 Jun 2021 iaitu enam (6) kes.

KKM juga mengesahkan terdapat penurunan kes dan kluster adalah terkawal serta semua kes positif telah diasingkan dan dimasukkan ke PKRC dan kontak rapat diasingkan dan dipantau sehingga hari ke-14.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju menamatkan PKPD di Kampung Sungai Imam, Tawau, Sabah pada 8 Jun 2021 (11:59 malam), seperti yang dijadualkan.

Penamatan PKPD Bandar Triang, Bera, Pahang

Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Bandar Triang, Bera, Pahang yang dijadualkan tamat pada 11 Jun 2021.

Dalam tempoh itu, KKM telah melakukan 7,094 ujian saringan dan 57 kes positif COVID-19 telah direkodkan. Sehingga kini, tiada lagi sampel saringan menunggu keputusan dan kes positif terakhir yang direkodkan adalah pada 5 Jun 2021 iaitu dua (2) kes.

KKM juga mengesahkan terdapat penurunan kes dan kluster adalah terkawal serta semua kes positif telah diasingkan dan dimasukkan ke PKRC dan kontak rapat diasingkan dan dipantau sehingga hari ke-14.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju menamatkan PKPD di Bandar Triang, Bera, Pahang pada 8 Jun 2021 (11:59 malam), lebih awal dari yang dijadualkan.

Task Force Operasi Pematuhan

Task Force Operasi Pematuhan yang diketuai Polis Diraja Malaysia (PDRM) telah melakukan 86,714 pemeriksaan semalam, bagi memantau dan menguatkuasakan pematuhan Prosedur Operasi Standard (SOP) Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Seramai 4,687 Pasukan Pematuhan melibatkan 86,714 anggota telah membuat pemantauan di 4,511 pasaraya, restoran (5,404), kilang (2,152), bank (3,884), pejabat kerajaan (1,051) dan penjaja (2,658).

Semalam, 1,214 individu ditahan atas kesalahan ingkar SOP. Daripada jumlah itu, seramai 1,107 individu dikompaun manakala 107 lagi direman.

Antara kesalahan direkodkan ialah:

- Tiada penjarakan fizikal (267)
- Tidak memakai pelitup muka (224)
- Gagal merekod butiran diri/daftar masuk premis (158)
- Tidak mematuhi arahan kawalan pergerakan (134)
- Membawa penumpang berlebihan (103)
- Aktiviti pusat hiburan (24)
- Lain-lain kesalahan (304)

Kawalan Sempadan Negara

Operasi BENTENG (Op BENTENG) semalam telah menangkap 11 orang Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) serta merampas dua (2) buah kapal/bot dan tiga (3) kenderaan darat.

Sebanyak 195 buah bot/kapal turut dikesan di perairan negara melalui tujuh (7) aktiviti penglihatan.

Op BENTENG melibatkan Polis Diraja Malaysia (PDRM), Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) dan Agensi Keselamatan Sempadan Malaysia (AKSEM) serta agensi-agensi keselamatan lain turut menjalankan 975 Sekatan Jalan Raya (SJR) semalam iaitu:

Op PENAWAR/SJR PKP	- 923 SJR
Op BENTENG PDRM	- 43 SJR
Op BENTENG AKSEM	- 9 SJR

Operasi Sanitasi Awam

Semalam, sebanyak 95 operasi sanitasi dilakukan meliputi 54 zon merah dan zon kuning (2) di seluruh negara.

Operasi sanitasi ini melibatkan 583 anggota Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) dan 80 Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) serta 88 buah jentera JBPM.

Secara kumulatifnya, sebanyak 26,738 operasi sanitasi yang merangkumi 156 zon telah dilakukan sejak 30 Mac 2020. Operasi sanitasi melibatkan pusat perniagaan, kawasan perumahan termasuk Projek Perumahan Rakyat (PPR), tempat awam, pasar raya dan bangunan kerajaan.

Kuarantin Wajib

Semalam, seramai 703 individu tiba di semua pintu masuk antarabangsa dan semuanya telah dikuarantin di stesen-stesen kuarantin di seluruh negara.

Secara kumulatifnya, sejak 24 Julai 2020, seramai 220,554 individu telah pulang ke tanah air dan kesemua ditempatkan di 76 hotel dan 11 Institut Latihan Awam (ILA) serta Institut Pengajian Swasta di seluruh negara.

Daripada jumlah itu, seramai 9,163 individu telah dikuarantin dan 208,960 orang dibenarkan pulang manakala 2,431 lagi dibawa ke hospital.

Barang Keperluan Asas

Pemantauan serta pemeriksaan oleh anggota Penguatkuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) di peringkat peruncit dan pemborong mendapati bekalan makanan adalah stabil dan mencukupi.

Semalam, KPDNHEP telah membuat 928 pemantauan harian ke atas 10 jenis bekalan barangan terdiri daripada peringkat peruncit (747), pemborong (150) dan pengilang (31).

KPDNHEP juga telah melakukan 2,301 Pemeriksaan Khas Pematuhan SOP sepanjang PKP dan daripada jumlah itu, 2,281 premis mematuhi SOP yang ditetapkan manakala 20 premis dikompaun kerana tidak patuh SOP.

Amalkan “Lockdown” sendiri. Kekal di rumah dan amalkan gaya hidup sihat bersama keluarga dalam lingkungan kawasan rumah sendiri.

Terima kasih.

**YB DATUK SERI ISMAIL SABRI YAAKOB
MENTERI KANAN PERTAHANAN**